

PRESS RELEASE

UTM HARUMKAN NAMA MALAYSIA DENGAN PEMBANGUNAN KAMPUNG BUDAYA LESTARI KHLEANG SBEK , KEMBOJA

Kuala Lumpur, 4 Mei 2016 – Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah mengambil inisiatif bersama rakan strategik membangunkan sebuah Kampung Budaya Lestari Khleang Sbek, Kemboja. Rakan strategik terdiri daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta seperti Pertubuhan Kebajikan Wanita Darul Sakinah Pasir Gudang, Wakaf An Nur Johor Corporation, Yayasan Salam Malaysia, Media Prima - TV3, Al Ikhsan Sdn Bhd, Action Caring Team dan My Care Malaysia .

Projek bertujuan membangunkan sebuah kampung yang lestari dalam pelbagai aspek kehidupan di samping membimbing komuniti tempatan berdikari dengan menjayakan sumber-sumber keunikan kampung sebagai aset pelancongan. Projek ini telah mengharumkan nama Malaysia sebagai sebuah negara yang bukan hanya prihatin terhadap isu-isu komuniti antarabangsa tetapi membantu membangunkan sebuah kampung yang kondusif dan lestari dengan mengekalkan ciri ciri dan keunikan tempatan.

Sebagai menyahut seruan My ASEAN Community, usaha pembangunan kampung budaya lestari ini telah diterjemahkan melalui empat aspek utama iaitu **Pembangunan Persekutaran & Infrastruktur, Pembangunan Modal Insan & Pendidikan, Pembangunan Kesihatan dan Pembangunan Ekonomi**.

Projek telah bermula sejak tahun 2013 dan berterusan hingga 2016. Projek meliputi penyelidikan dan perancangan pelbagai bidang. Model pembangunan dan pendekatan yang diaplikasikan oleh penyelidik UTM akan dijadikan rujukan dan panduan kepada beberapa pembangunan komuniti di Kemboja dan di tempat-tempat lain. Seramai 20 orang pensyarah UTM dan 80 orang mahasiswa daripada pelbagai bidang kepakaran terlibat secara berperingkat dan berkala.

Di antara projek yang telah dijalankan ialah Pembangunan Pusat Informasi dan Galeri Senibina Kampung Khleang Sbek, Pusat Usahawan dan Perniagaan Darul Sakinah, Pusat Jahitan Komuniti, Aktiviti Pembelajaran Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak, Penambahbaikan Kemudahan Sekolah, Kajian Kualiti Air Bersih, Pemeriksaan dan Rawatan Kesihatan Komuniti, Pembinaan Telaga Air serta pelbagai aktiviti masyarakat yang lain. Projek ini juga akan diteruskan dengan Pembangunan Pusat Inovasi Belia, Pembinaan Jeti dan Landskap Kampung. Kampung Khleang Sbek, merupakan kampung pertama di Kemboja yang dibangunkan dengan mempunyai pelan susun atur kampung sedia ada yang lengkap beserta dokumen penyelidikan senibina komprehensif yang dijalankan oleh penyelidik dan mahasiswa UTM.

Dengan kejayaan projek ini, Majlis Penyampaian Sijil Kerjasama dan Penghargaan kepada Rakan Strategik telah diadakan pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Datuk Naib Canselor UTM di Dewan Utama, Menara Razak, Kampus UTM Kuala Lumpur. Sijil telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Profesor Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar, Naib Canselor UTM.

Di samping itu, sesi pameran yang diadakan sempena majlis ini juga telah mempamerkan segala projek dan aktiviti pembangunan Kampung Khleang Sbek ini sebagai sebuah kampung lestari yang dibangunkan oleh pihak UTM dengan kerjasama Rakan Strategik. Dokumen pemeran ini juga dinilai oleh pihak UNESCO Malaysia untuk menghargai segala usaha ini sebagai satu sumbangan besar kepada pembangunan komuniti antarabangsa.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Dr. Mohd Hisyam bin Rasidi

Ketua Projek

Pembangunan Kampung Budaya Lestari Khleang Sbek, Kemboja

Universiti Teknologi Malaysia

b-hisham@utm.my

HP: 017-7557633